

SIARAN MEDIA

40 PEMILIK KEDIAMAN DESA SERI MAJU, KOTA BHARU, KELANTAN TERIMA HAK MILIK STRATA

Seramai 40 pemilik kediaman Desa Seri Maju Padu Apartment, Kota Bharu, Kelantan, akan menerima *mock title* hakmilik strata bagi petak premis masing-masing.

Mock title telah diserahkan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad, bersama-sama dengan Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassurruddin bin Haji Daud kepada tuan punya tanah Skim Desa Seri Maju Padu Apartment pada Majlis Penyampaian Mock Title Hakmilik Strata, di sini, hari ini.

Nik Nazmi berkata dalam ucapannya, penyerahan hakmilik skim itu adalah selaras komitmen Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu pemilikan strata yang menduduki skim ini selama 33 tahun sejak tahun 1991 tanpa dokumen hakmilik strata.

Skim ini merupakan skim strata kelima yang berjaya didaftarkan hakmilik strata dengan pembentukan dana Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata (TKHS) yang diselia oleh NRES. Hakmilik strata bagi skim ini telah berjaya didaftarkan pada 1 Ogos 2024 dengan pembentukan berjumlah RM90,580.48 daripada TKHS.

Majlis hari ini merupakan hasil kerjasama pelbagai pihak khususnya Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan pembeli petak dapat menikmati hak yang termaktub di bawah perundangan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318].

Pendaftaran hakmilik ini akan disusuli dengan proses pindahmilik secara individu oleh tuan punya tanah asal kepada pemilik petak di Skim Desa Seri Maju Padu Apartment bagi memastikan kepentingan pemilik petak kekal terpelihara.

Selanjutnya, pemilik petak akan mendapat manfaat dan faedah sama seperti pemilik berdaftar yang lain khususnya keupayaan melaksanakan urus niaga seperti jual beli atau urusan pembahagian harta pusaka bagi petak masing-masing.

Manakala Kerajaan Negeri memperoleh hasil melalui bayaran fi berkaitan urus niaga untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu kepada rakyat.

NRES komited untuk terus mengangkat martabat rakyat menerusi ikhtiar yang disepadukan bagi memastikan pelaksanaan dasar yang lebih manusiawi selaras dengan konsep Malaysia MADANI.

Dengan kerjasama erat yang telah terjalin antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri serta agensi-agensi terlibat, ikhtiar ini akan ditingkatkan bagi memastikan lebih banyak skim yang akan mendapat manfaat daripada inisiatif penubuhan TKHS yang telah bermula sejak tahun 2018.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

9 JANUARI 2025